

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

**Bilangan 01 Tahun 2025**

### **GARIS PANDUAN GERAN PERKAKASAN ICT STAF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti berkenaan pelaksanaan Garis Panduan Geran Perkakasan ICT staf Universiti Teknologi MARA (UiTM).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Geran Perkakasan ICT telah diperkenalkan mulai tahun 2014 melalui Pekeliling Naib Canselor Bil. 02 / 2014 (Pembelian Komputer Riba Secara Geran dan Garis Panduan Perkakasan IT UiTM) sebanyak RM1,500.00 untuk tempoh empat (4) tahun.

3. Berkuat kuasa mulai 01 Januari 2017, penetapan kadar baharu geran komputer UiTM kepada RM2,000.00 untuk tempoh lima (5) tahun telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke-201 bertarikh 07 Disember 2016. Kelulusan ini berdasarkan pembentangan kertas kerja ke Majlis Eksekutif Universiti (MEU) di dalam mesyuarat bil. 18 / 2016 pada 27 Julai 2016.

4. Keperluan komputer mudah alih (*mobility*) pada persekitaran kerja amat diperlukan sama ada oleh staf kumpulan profesional atau staf kumpulan pelaksana untuk menguruskan pentadbiran bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran di Universiti. Pemberian geran juga dapat menjimatkan kos jika dibandingkan dengan sewaan komputer sewa.

5. Oleh yang demikian, cadangan peluasan kemudahan Geran Perkakasan ICT kepada Staf Pelaksana Gred 5 hingga Gred 8 secara pilihan telah dibuat dan dibentangkan kepada Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dengan penetapan kadar baharu Geran Perkakasan ICT staf UiTM sebanyak RM2,300.00 untuk tempoh lima (5) tahun. Cadangan ini telah diluluskan oleh MEU di dalam mesyuarat bil. 04 / 2024 bertarikh 07 Februari 2024 dan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) di dalam mesyuarat ke-235 bertarikh 30 April 2024.

## **PELAKSANAAN**

6. Garis panduan ini meliputi prosedur geran perkakasan ICT staf UiTM berdasarkan kelayakan yang merangkumi perkakasan seperti komputer riba dan komputer tablet, iaitu "Garis Panduan Geran Perkakasan ICT Staf UiTM" seperti di Lampiran A.

7. Objektif garis panduan ini adalah seperti berikut:

7.1 Memastikan staf UiTM mendapat kemudahan perkakasan ICT yang bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT;

7.2 Memastikan perkakasan ICT dapat diuruskan dan digunakan secara teratur serta dapat memenuhi keperluan penggunaan di UiTM dengan mengambil kira sumber sedia ada; dan

7.3 Pengagihan perkakasan ICT yang optimum dapat mengelakkan pembaziran sumber dan menjimatkan kos.

8. Penguatkuasaan pekeliing ini juga membatalkan perkara 5.4 di dalam Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT bil. 05 / 2020.

## **TARIKH DIKELUARKAN**

9. Pekeliing dikeluarkan pada 01 Mac 2025.

## TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

## PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.

اوسها، تقوى، موليا

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

(PROFESOR DATUK Tg. DR. SHAHRIN BIN SAHIB @ SAHIBUDDIN, FASc)  
Naib Canselor



Dikelilingkan Kepada:

- Majlis Eksekutif Universiti
- Semua Rektor UiTM Cawangan
- Semua Penolong Naib Canselor
- Semua Dekan Kolej Pengajian / Fakulti / Akademi / Institut
- Semua Pengarah Pusat
- Semua Ketua Bahagian / Jabatan / Pusat / Unit

Bil. Fail : UiTM.100-1/3/1

No. Siri : 100-UiTM (NC/2) 05/2024

LAMPIRAN A



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**GARIS PANDUAN GERAN PERKAKASAN ICT STAF  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**GARIS PANDUAN GERAN PERKAKASAN ICT STAF  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

## KANDUNGAN

<b>1. PENGENALAN</b> .....	<b>2</b>
1.1 TUJUAN.....	2
1.2 OBJEKTIF.....	2
1.3 SKOP.....	2
1.4 AKRONIM DAN TAKRIFAN.....	2
<b>2. PENYATAAN</b> .....	<b>3</b>
2.1 GERAN PERKAKASAN ICT UiTM.....	3
2.2 TANGGUNGJAWAB STAF.....	5
<b>3. PENGAGIHAN GERAN PERKAKASAN ICT</b> .....	<b>5</b>
<b>4. RUJUKAN</b> .....	<b>6</b>

## 1. PENGENALAN

### 1.1 TUJUAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan untuk memberi panduan kepada staf UiTM mengenai prosedur geran perkakasan ICT Staf yang merangkumi perkakasan seperti komputer riba dan komputer tablet.

### 1.2 OBJEKTIF

Objektif Garis Panduan ini adalah untuk:

- (a) Memastikan staf UiTM mendapat kemudahan perkakasan ICT yang bertujuan untuk mempertingkatkan kecekapan serta keberkesanan penyampaian perkhidmatan melalui penggunaan ICT;
- (b) Memastikan perkakasan ICT dapat diuruskan dan digunakan secara teratur serta dapat memenuhi keperluan penggunaan di UiTM dengan mengambil kira sumber sedia ada; dan
- (c) Pengagihan perkakasan ICT yang optimum dapat mengelakkan pembaziran sumber dan menjimatkan kos.

### 1.3 SKOP

Garis Panduan ini menerangkan pelaksanaan kemudahan geran perkakasan ICT staf UiTM berdasarkan kelayakan dan tanggungjawab staf terhadap perkakasan geran ICT.

### 1.4 AKRONIM DAN TAKRIFAN

Akronim dan takrifan yang digunakan dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

AKRONIM	DEFINISI
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
PTj	Pusat Tanggungjawab
UiTM	Universiti Teknologi MARA

TAKRIFAN	DEFINISI
Komputer tablet	Komputer mudah alih dengan skrin sentuh sebagai peranti input asas yang membolehkan pengguna bekerja dengan <i>stylus</i> atau pen digital.
Staf UiTM	Staf UiTM yang berdaftar
Komputer Sewaan	Komputer <i>desktop</i> yang digunakan oleh UiTM secara sewaan dengan pihak pembekal

## 2. PENYATAAN

Semua staf UiTM berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan layak untuk menerima Geran Perkakasan ICT. Penjagaan dan keselamatan perkakasan ICT yang telah diperolehi adalah di bawah tanggungjawab staf.

### 2.1 GERAN PERKAKASAN ICT UiTM

#### (a) Pelaksanaan

Diwajibkan untuk semua staf Akademik dan Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan & Profesional) Gred 9 ke atas yang SAH jawatan sahaja. Pilihan diberi bagi Kumpulan pelaksana Gred 5 hingga Gred 8 yang SAH jawatan. Pelaksanaan ini melibatkan :

- i. Semua kemudahan komputer *desktop* sewaan sedia ada akan ditarik untuk tujuan pengagihan semula.
- ii. Tiada penggantian bagi komputer *desktop* sewaan yang telah tamat tempoh.
- iii. Kos pembaikan dan penyelenggaraan Geran Perkakasan ICT adalah di bawah tanggungjawab staf.
- iv. Staf layak menggunakan kemudahan sistem pengoperasian dan perisian rasmi universiti.

#### (b) Jenis Geran Perkakasan ICT

Geran perkakasan ICT hanya bagi pembelian komputer riba atau komputer tablet dengan aksesori iaitu tetikus, *stylus pen* dan *keyboard* serta termasuk tempoh jaminan lanjutan (*Extended Warranty*).

**(c) Pembiayaan**

Pemberian geran sebanyak **RM 2,300.00** kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh selama **lima (5) tahun** atau secara pro rata mengikut baki tempoh perkhidmatan.

**(d) Perolehan**

Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.04/2024 bertarikh 7 Februari 2024 telah bersetuju perolehan dibuat adalah secara 'Beli Dahulu, Tuntut Kemudian' dan boleh dibeli di mana-mana pembekal komputer (termasuk secara atas talian). Pembelian dan tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh TIGA (3) bulan selepas mendapat kelulusan Ketua PTj.

**(e) Tuntutan Bayaran Balik**

Tuntutan bayaran balik geran akan dibuat sekiranya:

- i. Staf akan bersara atau memilih untuk bersara awal daripada tempoh perkhidmatan.
- ii. Staf yang diberhentikan kerja atau berhenti secara rela. Manakala untuk staf yang meninggal dunia tiada bayaran balik yang perlu dibuat oleh waris staf tersebut.

Pengiraan bayaran balik:

$$\text{Jumlah tuntutan} = \frac{\text{Jumlah subsidi}}{\text{Jumlah hari subsidi}} \times \text{Jumlah hari tuntutan}$$

**(f) Pemilikan**

Perkakasan geran ICT adalah hak milik penuh staf. Penyelenggaraan akan dilakukan oleh syarikat pembekal secara terus antara staf dan syarikat tanpa melibatkan Pengurusan ICT UiTM.

**(g) Kehilangan/ Kerosakan**

Adalah menjadi tanggungjawab staf untuk memastikan perkakasan ICT tidak terdedah kepada bahaya, kecurian dan insiden lain yang boleh mendatangkan kerugian kepada Universiti. Sekiranya berlaku kehilangan dan kerosakan, staf akan bertanggungjawab sepenuhnya dan tiada pemberian geran dalam tempoh lima (5) tahun tersebut.

## 2.2 TANGGUNGJAWAB STAF

### (a) Penyalahgunaan

- i. Staf tidak dibenarkan memuat turun (*download*), membuat pemasangan (*install*) dan mengguna perisian aplikasi yang boleh mendatangkan kerosakan kepada perkakasan ICT.
- ii. Sekiranya staf didapati menyalah guna kemudahan geran yang diberikan, tindakan tatatertib akan dikenakan.

### (b) Makluman dan Pelaporan

- i. Staf yang telah tamat perkhidmatan perlu memaklumkan kepada ketua PTj.

## 3. PENGAGIHAN GERAN PERKAKASAN ICT

Panduan bagi pengagihan Geran Perkakasan ICT UiTM adalah seperti berikut:

KOMPUTER RIBA / TABLET – GERAN PERKAKASAN ICT		
Jawatan/ Lokasi	Kelayakan Agihan	Keterangan
i. Staf Akademik dan Pentadbiran (Kumpulan Pengurusan & Profesional) yang telah SAH jawatan.  Gred: 9 dan ke atas	Satu (1) unit	Diwajibkan mengambil geran perkakasan ICT.
ii. Kumpulan Pelaksana yang telah SAH jawatan.  Gred : 5 hingga 8	Satu (1) unit	Sekiranya telah memilih geran perkakasan ICT maka tidak layak menerima komputer <i>desktop</i> sewaan sepanjang perkhidmatan.

#### 4. RUJUKAN

- i. Dasar ICT UiTM.
- ii. Polisi Keselamatan Siber UiTM.
- iii. Surat Kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.28/2020 bertarikh 7 September 2020.
- iv. Surat Kelulusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.4/2024 bertarikh 27 Februari 2024.
- v. Surat Kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JTK) ke-235 bertarikh 9 Mei 2024.